

URINEX

Pinene ($\alpha + \beta$)/Camphene/Borneol/Fenchone /Anethole/Cineole (31 mg/15 mg/10 mg/4 mg/4 mg/3 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah Kegunaan Urinex.
2. Bagaimana Urinex berfungsi
3. Sebelum menggunakan Urinex
4. Cara menggunakan Urinex.
5. Semasa menggunakan Urinex.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Urinex.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh semakan RiMUP

Apakah kegunaan Urinex

Urinex digunakan untuk;

- Merawat kekejangan saluran kencing serta keradangan yang berkaitan dengan batu karang (urolithiasis).
- Membantu melarutkan dan mengeluarkan batu karang dari buah pinggang serta saluran kencing.

Bagaimana Urinex berfungsi

Urinex mengandungi campuran terpen yang berfungsi meningkatkan aliran air kencing serta meningkatkan keterlarutan garam kalsium bagi membantu memecahkan batu karang dalam saluran kencing; ia seterusnya memudahkan proses pemecahan dan pengeluaran batu karang melalui air kencing, di samping mengurangkan keradangan serta merehatkan otot saluran kencing untuk mengurangkan kesakitan dan memudahkan pengeluaran batu karang.

Sebelum menggunakan Urinex

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini sekiranya:

- anda mempunyai alahan terhadap bahan aktif atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (seperti yang disenaraikan dalam Maklumat Lanjut)
- Sebelum menggunakannya.
Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil Urinex sekiranya anda:
- mengalami jangkitan akut atau serius pada saluran kencing, kerana doktor mungkin perlu menjalankan ujian kultur urin dan ujian

sensitiviti sebelum menetapkan sebarang ubat.

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

- Mengambil ubat lain.

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil:

- Warfarin (digunakan untuk mencairkan darah)
- Ubat yang dimetabolismakan oleh hati

Cara menggunakan Urinex

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: Ambil 1 kapsul sebanyak 3–4 kali sehari, 30 minit sebelum makan. Jangan ambil lebih daripada 4 kapsul sehari.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual

seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan sakit perut atau kerengsaan gastrik.

Semasa anda menggunakan Urinex

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Urinex.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini

- Perkara yang tidak boleh lakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Urinex kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera.

Ubat ini tidak diketahui menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin. Walau bagaimanapun, sekiranya anda berasa tidak sihat seperti mengalami

ketidakelesaian perut atau rasa tidak selesa selepas mengambilnya, elakkan daripada memandu sehingga keadaan anda bertambah baik.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Urinex boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Ubat ini secara amnya selamat dan tidak menyebabkan kesan sampingan.

Namun, sekiranya anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini, segera berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my. [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan

Urinex

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan pada suhu di bawah 30°C dan lindungi dari kelembapan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Kapsul gelatin lembut berwarna kuning dan berbentuk bulat

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif.

- Pinene ($\alpha + \beta$) 31 mg
- Camphene 15 mg
- Borneol 10 mg
- Fenchone 4 mg
- Anethole 4 mg
- Cineole 3 mg

- Bahan tidak aktif

- Sorbitol Special – Glycerin Blend
- FD & C Yellow No. 6
- Sodium Propylparaben
- Quinolone Yellow
- Sodium Ethylparaben
- Glycerol (85%)
- Olive Oil
- Gelatin (Bovine)

- Nombor MAL :

MAL09100249XC

Pengilang

European Egyptian Pharmaceuticals Industries
Amriya, Alexandria – Cairo Desert Road,
Km 25, Egypt.

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharco Health Sdn Bhd
Unit No. 643, PKNS BizPoint No. 67B,
Tingkat 2, Jalan Plumbum P7/P, Seksyen 7,
40000 Shah Alam, Selangor, Malaysia

Tarikh semakan RiMUP

5/5/2026

Nombor Siri

NPRA(R4/1)300426/00023